

01 SEP 1998

NAM-Matawang

ANGGOTA NAM NUNGKIN SETUJU SISTEM KEWANGAN ANTARABANGSA DIKAJI SEMULA

Oleh: E Sivabalan

DURBAN, 1 Sept (Bernama) -- Para menteri luar negara-negara berkecuali yang bermesyuarat di sini sebelum sidang kemuncak para pemimpin mereka esok nampaknya akan turut serta dengan Malaysia dalam menggesa supaya diadakan kawalan terhadap dagangan matawang antarabangsa.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata terdapat tanda-tanda yang mereka akan bersetuju supaya sistem kewangan antarabangsa dikaji semula bagi menghalang spekulator matawang daripada menyerang ekonomi mereka.

"Adalah jelas mereka sedang menuju ke arah itu," kata beliau kepada wartawan Malaysia di akhir hari pertama mesyuarat menteri-menteri luar Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini.

Abdullah sebelum itu memberitahu satu perbincangan meja bulat antara para menteri luar itu bahawa adalah perlu sebarang bentuk kawalan diadakan daripada tidak ada kawalan langsung.

Katanya pasaran kewangan tidak boleh didedahkan kepada manipulasi dan spekulasi sewenang-wenangnya.

"Semua kerajaan perlu bekerja rapat untuk mengadakan persefahaman dalam mewujudkan satu kaedah universal yang boleh diterima berhubung dengan dagangan matawang.

"Kita semua terlibat dengan perkara ini, Utara ataupun Selatan," katanya.

Kenyataan Abdullah itu dijangka menentukan haluan sidang kemuncak NAM ketika para pemimpin mula tiba di sini untuk perbincangan mereka selama dua hari itu.

Abdullah akan mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak itu.

Katanya tidak syak lagi krisis kewangan dan ekonomi "setakat ini adalah isu yang paling genting yang sedang dihadapi oleh ramai antara kita."

"Kesan krisis kewangan Asia sekarang dirasakan oleh seluruh dunia. Ia juga dirasakan di sini Afrika Selatan," katanya sambil menambah bahawa ia juga telah mula menjangkiti eksport komoditi dan perdagangan di lain-lain bahagian di Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Dalam menyatakan bahawa ekonomi-ekonomi Utara sekalipun tidak kebal daripada krisis itu, beliau berkata ia telah mencetuskan kekecohan politik dan sosial.

Abdullah berkata sungguhpun kesan penuh krisis itu masih belum dirasakan "kita sudah tentu tidak mahu meramalkan senario paling buruk."

"Tetapi pada masa yang sama kita tidak mahu mengambil mudah petanda-petanda keadaan huru-hara yang serius," katanya.

Abdullah berkata ramai di antara rakan-rakan sejawatannya yang bercakap mengenai krisis kewangan pada perbincangan meja bulat itu yang buat pertama kalinya diadakan secara terbuka.

Mengenai globalisasi, Abdullah berkata Malaysia tidak mahu melihat rakan-rakannya dalam NAM mengalami kerosakan dan kehancuran yang berlaku kepada ekonomi-ekonomi "harimau" di Asia Timur yang disebabkan oleh aliran bebas modal jangka pendek.

Katanya kesan keseluruhan globalisasi -- buruk dan baik -- perlu diterima dan difahami oleh semua negara.

--BERNAMA

ES WAT